

79

Tuanku Sultan Kedah Berangkat Menyerikan Konsert Simfoni Diraja UUM
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 17 April 2011 16:24

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

17 APRIL 2011/ 13 JAMADIL AWAL 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Hasniza Mustafa

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil, Muhammad Shamsul Shafie

TUANKU SULTAN KEDAH BERANGKAT MENYERIKAN KONSERT SIMFONI DIRAJA DI UUM

UUM ONLINE: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Kedah, Tuanku Sultanah Haminah Hamidun berkenan berangkat mencemar Duli bagi menyaksikan Konsert Simfoni Diraja yang diadakan di Dewan Mu'adzam Shah (MAS), Universiti Utara Malaysia (UUM) 15 April lalu.

Turut berangkat mencemar Duli ke konsert berkenaan adalah kerabat Diraja Kedah termasuk puteri baginda, Yang Teramat Mulia Tunku Puteri Intan Safinaz.

Keberangkatan tiba Tuanku Sultan dan Sultanah Kedah serta kerabat Diraja Kedah telah disambut oleh Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, Ahli Jawatan Kuasa Pengurusan Universiti (JPU), serta Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Prof Madya Dr Amy Azhar Mohd Harif.

Konsert yang diadakan bersempena dengan Hari Pengasasan Universiti ke 27 ini dijayakan oleh pemuzik Orkestra Simfoni Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta gabungan kakitangan dan pelajar UUM di bawah pimpinan Datuk Dr Johari Salleh.

Persembahan pembukaan menerusi *Overture 'Asmaradana'* begitu menambat hati tetamu sehinggalah ke acara kemuncak konsert yang turut dimeriahkan oleh artis jemputan iaitu Faizal Tahir, Ana Raffali, Sohaimi Mior Hassan dan Najib Hanif.

Turut membuat persembahan adalah Raynold Thomas, siswa jurusan Pengurusan Awam dengan Kepujian, UUM yang membawakan lagu '*Sunny*', Fazli Awang, pelajar jurusan Keusahawanan dengan Kepujian, UUM dengan lagunya '*Lelaki Ini*' serta duet dengan Chan Ching Yee, siswi jurusan Ekonomi dengan Kepujian, UUM menerusi lagu '*Pandang-pandang, Jeling-jeling*'.

Sukena Md Arif, Artis Budaya di Pusat Budaya dan Seni UUM juga menyampaikan lagu berjudul '*Hapuslah Air Matamu*' dengan baik sekali.